

Seramai 14 penyelidik negara menerima Malaysia's Rising Star Award atas kejayaan menghasilkan artikel yang menerima sitasi penerbitan satu peratus tertinggi dunia.

Kementerian Pendidikan Tinggi dalam satu kenyataan berkata, pencapaian mereka diekstrak daripada Essential Science Indicators (ESI) yang dikeluarkan oleh agensi pengindeksan antarabangsa Thomson Reuters berpangkalan di New York, Amerika Syarikat, bagi tempoh tahun 2005 hingga 2014.

Menurut kenyataan berkenaan, penerima terdiri daripada penulis utama bagi artikel paling kerap digunakan sebagai rujukan oleh penyelidik di seluruh dunia merangkumi 21 bidang penyelidikan.

"Penganugerahan ini merupakan pengiktirafan tertinggi dalam sistem pendidikan tinggi negara. Ini merupakan hasil daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilaksanakan sebelum ini, seterusnya menjadi pemangkin kepada PPPM 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bagi meningkatkan lagi prestasi penyelidik tempatan pada masa depan.

"Penghasilan penyelidikan dan penulisan ilmiah berkualiti seterusnya berjaya diterbitkan serta diindeks ke dalam pangkalan data antarabangsa terkemuka, membuktikan bahawa anak tempatan juga mampu menyaingi saintis terhebat dunia," kata kenyataan berkenaan.

14 penyelidik terima **Anugerah Malaysia's Rising Star**



Idris (tengah) bersama-sama sebahagian daripada penyelidik yang menerima **Malaysia's Rising Star Award**.

Tujuh penyelidik USM

Penerima terdiri daripada tujuh penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu Prof Datuk Dr Abdul Khalil H P Shawkataly, Prof Dr Abdul Latif Ahmad, Prof Dr Abdul Rahman Mohamed, Prof Dr Abd Karim Alias, Prof Dr Hazizan Md Akil, Prof Dr Wan Saime Wan Ngah dan Prof Madya Dr Mohd Roslee Othman.

Penerima lain ialah Prof



Prof Dr Wan Mohd Ashri

Dr Siti Kartom Kamarudin dan Prof Dr Ishak Hashim dari Universiti Kebangsaan Malaysia serta Prof Dr Luqman Chuah Abdullah dan Prof Madya Dr Abdul Halim Abdullah dari Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, Prof Dr Wan Mohd Ashri Wan Daud dari Universiti Malaya, Prof Madya Dr Wong Kuan Yew dari Universiti Teknologi Malaysia dan Norliana Mohd Abbas dari

Universiti Teknologi MARA.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh bersempena dengan majlis perasmian Persidangan Kebangsaan Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi di Langkawi, Kedah, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Asma Ismail.